



Kata Hubung dan Ayat Majmuk





Ayat Majmuk

Ayat majmuk ialah gabungan dua ayat yang disambungkan menggunakan **kata hubung** untuk dijadikan satu ayat yang lengkap.

Contoh :

1. Ali bermain bola di padang.
2. Abu bermain bola di padang.



Ayat tunggal





Kata Hubung

atau

kerana

supaya

dan

tetapi

sambil

dan ➡ untuk menggabungkan dua perkara atau benda.
Contoh : Ali **dan** Abu bermain bola sepak.

atau ➡ untuk membuat pilihan.
Contoh : Awak suka makan kuih **atau** kek?

sambil ➡ melakukan dua perkara serentak.
Contoh : Ali makan nasi **sambil** mendengar lagu.





Kata Hubung

atau

kerana

supaya

dan

tetapi

sambil

tetapi ➡ untuk menunjukkan perkara yang berlainan.

Contoh : Fairodee gemuk tetapi hebat bermain bola.

kerana ➡ untuk menyatakan sebab atau alasan.

Contoh : Adik menangis kerana terpijak duri.

supaya ➡ untuk menyatakan tujuan sesuatu perkara.

Contoh : Kita mesti belajar supaya pandai.



Ayat majmuk mestilah menggunakan kata hubung yang sesuai berdasarkan situasi.

Kata Hubung



atau

kerana

supaya

dan

tetapi

sambil

Contoh :

1. Ali **dan** Abu bermain bola di padang.
2. Fairodee membaca buku **sambil** mendengar radio.



Bina ayat majmuk menggunakan kata hubung yang di beri.

Contoh :

1. Ali bermain bola di padang.
Abu bermain bola di padang.



dan

Ali dan Abu bermain bola di padang.

Kata hubung!

2. Fairodee membaca buku.
Fairodee mendengar lagu.



sambil

Fairodee membaca buku sambil mendengar lagu.

Jawab soalan di bawah



Seret kata hubung yang sesuai berdasarkan ayat yang di beri.

sambil

dan

kerana

supaya

tetapi

atau

1. Upin _____ Ipin tinggal di Kampung Durian Runtuh.
2. Kak Ros sedang memasak di dapur _____ mendengar lagu.
3. Ehsan menangis _____ duitnya hilang di Tadika Mesra.
4. Boboiboy sangat rajin belajar _____ berjaya dalam peperiksaan.
5. Tok Dalang sangat kedekut _____ baik hati.
6. Ipin suka makan ayam goreng _____ ikan goreng?

Tulis ayat majmuk menggunakan kata hubung yang di beri.

1. Upin tinggal di Kampung Durian Runtuh.
Ipin tinggal di Kampung Durian Runtuh.



dan

2. Kak Ros sedang memasak di dapur.
Kak Ros sedang mendengar lagu.



sambil

3. Ehsan menangis di Tadika Mesra .
Duitnya hilang di Tadika Mesra.



kerana

3. Boboiboy sangat rajin belajar.
Boboiboy berjaya dalam peperiksaan.



supaya